

www.terengganu-inc.com

# BULETIN TERENGGANU INCORPORATED

HARNESSING INVESTMENT FOR THE RAKYAT



TERENGGANU INC  
200601005493 (725242-P)

MENGHADAPI  
PERUBAHAN 2024:

## MEMPERKASA PELABURAN MAMPAN



KUMPULAN  
TERENGGANU INC  
MENGORAK LANGKAH  
STRATEGIK TAHUN 2024

KDYMM SULTAN  
TERENGGANU  
BERKENAN TERIMA  
ZAKAT KUMPULAN  
TERENGGANU INC  
RM7.8 JUTA

KMI HEALTHCARE  
DINOBAHKAN SEBAGAI  
HOSPITAL PAKAR  
KOMUNITI TERBAIK DI  
ANUGERAH GLOBAL  
HEALTH ASIA-PASIFIK  
2024

SELANJUTNYA





## BULETIN 2024 :

Berkonsepkan pelaburan mampan dimana gambaran tangan yang menunjukkan peningkatan pelaburan pada carta yang bercahaya menandakan harapan kami dalam memperkasakan kelestarian pelaburan secara holistik dalam semua aspek aktiviti pelaburan merentas pelbagai sektor.

## SIDANG REDAKSI

PENGARANG-PENGARANG KUMPULAN TERENGGANU INC

### KETUA EDITOR

SURIDAH SUPIAN

### PENULIS UTAMA DAN PANEL EDITOR

Terengganu Inc  
AFIAQH MOHAMAD  
ARIF RAZIQ  
IMAN ALWANI

### PANEL PENULIS

NORFAR'IZAN HASHIM  
TDM Berhad

MOHD RUSDI NGAH  
Eastern Pacific Industrial Corporation  
Berhad

ATTIAQH SOLEHAH MOHD  
Syarikat Air Terengganu Sdn Bhd

AHMAD FAUZAN ABDUL  
Golden Pharos Berhad

MOHD NOOR FADHIR IBRAHIM,  
Ladang Rakyat Terengganu Sdn Bhd

KHAIRUL AMRI HARUN  
Syarikat Percetakan Yayasan Islam  
Terengganu (SPYIT)

ATHIRAH MOHAMED AL-NAMIRI  
ManisFM

NUR HAZIRAH ZULKIFLI  
GPQ Sdn Bhd

SHAHRIN IMRAN  
Chicken Cottage Holdings Ltd

FARHANA ADILA MOHAMAD YUNUS  
TI Properties Sdn Bhd

MUAZZAM BAKAR  
Permai Hotel Kuala Terengganu

AMRIL ZHARIF ROSLAN  
PRIMULA Beach Hotel

ROSE HAZELINE ROSLE  
Kumpulan Medic Iman Sdn Bhd

ANA @ AZMAN MUSTAFA  
PTB Unit Trust Berhad

# KANDUNGAN

01. Kata-Kata Aluan Pengerusi Terengganu Inc
02. Kumpulan Terengganu Inc Mengorak Langkah Strategik Tahun 2024
04. Terengganu Inc Rintis Sukuk
05. TDM Bayar RM 2.9 Juta Kepada LTAWNT
06. OTC Asia 2024: EPIC Berhad Memperkukuh Jaringan Industri Minyak dan Gas
07. SATU Melancarkan Pelan Anti-Rasuah dan Polisi CSR
08. Mohd Roslan Mamat Dilantik Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif GPB
09. LRTSB Rayakan Kejayaan Ladang Sungai Pinang di Majlis Tahunan 2024
10. GPQ Sdn Bhd Langkah Ke Hadapan: Fokus Capai Hasil RM100 Juta
11. TI Properties Mendapat Pengiktirafan Emas MyTQA 2023 Untuk Jambatan Angkat Kuala Terengganu
12. Terengganu Inc dan KAWAT Menganjurkan Program 'Back To School' Bantu Pelajar Kurang Berkemampuan  
  
EPIC "Back To School" Bantu 100 Pelajar Di Dua Daerah
13. Terengganu Inc Salur 200 Bakul Makanan Kepada Mangsa Banjir Di Dungun  
  
EPIC Berhad, TDM Berhad, SATU Dan Golden Pharos Sumbang Bantuan Di Kawasan Banjir Bersama 200 Sukarelawan
14. KDYMM Sultan Terengganu Berkenan Terima Zakat Kumpulan Terengganu Inc RM7.8 Juta  
  
EPIC Berhad Bantu 600 Nelayan Di Sekitar Kemaman
15. Terengganu Inc Kongsi Kasih Bersama 40 Keluarga Asnaf, Jelajahi Keberkatan Ramadan Di Batu Buruk  
  
Terengganu Inc Anjur Pelbagai Program Kerohanian Sempena Ramadan  
  
'EPIC Jom Bersih 2024' Kutip 459kg Sampah Di Pantai
16. *One Tree One Staff* Raih Kejayaan, 3,774 Pokok Ditanam  
  
GOLDEN PHAROS Berhad Lestarikan Bukit Bauk
17. Kumpulan Terengganu Inc Taja TSG RM 2 Juta Pada Tahun 2024
18. EPIC Berhad dan SATU Sunting Semangat Pasukan Hoki Terengganu (THT)
19. Karnival Beautiful Terengganu Malaysia 2024: Kumpulan Terengganu Inc Membawa Seribu Kegembiraan!
20. 'A Walk With Nature 2.0': Terengganu Inc Jalin Keprihatinan Alam Sekitar
21. Kumpulan Terengganu Inc Pamer Warisan Budaya Tempatan Dalam Pertandingan Kenderaan Berhias 2024
22. Jejak Ramadan 2024: Terengganu Inc Sumbang RM46,000 Kepada 60 Keluarga Asnaf
23. MPOGCF Mengiktiraf TDM Plantation Sebagai Rakan Strategik
24. KMI Healthcare Dinobatkan Sebagai Hospital Pakar Komuniti Terbaik Di Anugerah Global Health Asia-Pasifik 2024  
  
KMI Healthcare Lancar Perkhidmatan Ortopedik Di Tawau
25. TS. Haji Muhtar Suhaili Dilantik Sebagai GCEO Baharu EPIC Berhad  
  
EPIC Berhad Rangkul Anugerah *The Brand Laureate Nation Branding*
26. EPIC Berhad Lancar Operasi Dua Kren Baharu Dan Tali Sawat, Tingkat Kecekapan Pelabuhan
27. Golden Pharos Berhad Prihatin, Sumbang 3 Buah Kipas Kepada SMK Seri Berang  
  
Kerjasama GPQ Sdn Bhd Dan Pejabat Pusat Khidmat Masyarakat DUN Tepoh, Anjur Program Ibadah Korban Di Kg. Pak Tuyu
28. Manis FM Menyulam Impian Dalam Industri Media Melalui Program Radio Sekolah 2024  
  
Manis FM Mengukuhkan Komitmen Terhadap Industri Media, Lancar Siri Kedua Program Sekolah Radio  
  
Siri Ketiga Program Sekolah Radio Beri Pendedahan Praktikal Tentang Penyiaran Radio
29. SATU Hantar Lori Tangki Air Ke Kelantan
30. Permai Hotel & Primula Beach Hotel: Majlis Makan Malam Bersama Kontinjen Olahraga Dan Bola Tampar Pantai Sukma XXI
31. EPIC Berhad Sumbang RM100,000, Naik Taraf Surau Pantai Batu Buruk
32. Jelajah TI Prop Harmoni Sejagat: RM 11,600 Zakat Kepada Guru Pasti Dan Fardhu Ain Dun Tepoh Menjelang Sambutan Aidilfitri  
  
TI Prop Harmoni Didik: Sumbangan 8 Buah Papan Putih Kepada Anak Didik SMK Menerong
33. Penaja Kategori Emas Terengganu Football Club (TFC)  
  
Tajaan Jersi Bakar Semangat Pasukan E-Sukan UnisZA Dalam Pemerkasaan Belia
34. TI Prop Harmoni Sejagat: Perkukuh Ikatan Kejiranan Melalui Program Agihan Daging Korban Aidiladha

“ALHAMDULLILAH, SETINGGI-  
TINGGI UCAPAN SYUKUR  
DIPANJATKAN KE HADRAT ALLAH  
SWT, DENGAN LIMPAH KURNIA-  
NYA, TAHUN 2023 MENYAKSIKAN  
KUMPULAN TERENGGANU INC  
TELAH MENUNJUKKAN PRESTASI  
TERBAIK DALAM MENINGKATKAN  
PULANGAN HASIL MENERUSI  
PELBAGAI STRATEGI, ADAPTASI  
INOVASI SERTA BUDAYA  
PENAMBAHBAIKAN BERTERUSAN.”



Selain itu, saya melihat tahun 2024 sebagai peluang untuk membuktikan pengurusan yang lebih efektif dengan pemantapan inisiatif persekitaran, sosial dan tadbir urus (Environmental, Social and Governance (ESG)) bertemakan “Adaptasi Transisi Menuju Masa Depan Terengganu Yang Mampan”, sebagai asas kepada strategi perniagaan, dalam menjaga persekitaran, menggalakkan perkembangan sosial dan mengekalkan piawaian etika.

Antaranya juga peluang pembangunan dan kepelbagaian dalam teknologi hijau menerusi pengembangan panel solar terapung dan teknologi makanan yang mampu unjuran hasil dan nilai aset Bersih pada RM2.0 bilion pada tahun-tahun akan datang.

Lebih membanggakan apabila syarikat berjaya mewujudkan pasukan syariah yang sangat komited bagi memastikan pelaksanaan perniagaan adalah patuh syariah dan bertepatan dengan hasrat Negeri Terengganu yang Maju, Berkat dan Sejahtera.

Alhamdulillah, suka untuk dikongsikan bahawa Terengganu Inc mempunyai seramai 8,658 kakitangan dan sejumlah 5,437 orang daripada mereka adalah anak jati Terengganu. Bukan itu sahaja, syarikat juga aktif mengembalikan keuntungan kepada rakyat dengan melakukan Tanggungjawab Sosial Korporat dengan menyalurkan sumbangan sebanyak RM11 juta pada tahun 2023.

**YAB DATO' SERI DR. AHMAD SAMSURU BIN MOKHTAR**  
Menteri Besar Terengganu  
merangkap Pengerusi Terengganu Inc

“MENGIMBAS KEMBALI TAHUN-TAHUN SEBELUMNYA, TERENGGANU INC BERJAYA MENGHARUNGI PERSEKITARAN YANG MENCABAR, MEMPAMERKAN DAYA TAHAN DAN KEPINTARAN STRATEGIK DALAM MENGHADAPI PASARAN BISNES YANG TIDAK MENENTU.”

# KUMPULAN TERENGGANU INC MENGORAK LANGKAH STRATEGIK TAHUN 2024



PADA SUKU PERTAMA TAHUN 2024, TERENGGANU INC MENGORAK LANGKAH DENGAN MENERUSKAN PEMANTAPAN PENGURUSAN MELALUI MESYUARAT BERKALA TERMASUK *QUARTERLY PERFORMANCE REVIEW (QPR)*, KPI SERTA MESYUARAT BERKALA KETUA-KETUA ANAK SYARIKAT KUMPULAN SERTA MENGAMBIL BAHAGIA DALAM USAHA MENARIK PELABUR KE TERENGGANU.

Prestasi konsisten dan pertumbuhan hasil Kumpulan terutamanya dalam sektor kesihatan, menyerlahkan sifat dinamik dan komitmen kami untuk menyampaikan nilai kepada ekonomi negeri Terengganu. Sejak 2017, hasil kami telah meningkat secara konsisten, menunjukkan keupayaan kami untuk menavigasi keadaan bisnes yang berubah-ubah.

Pada masa hadapan, Terengganu Inc memanfaatkan momentum pertumbuhan, teguh dalam dedikasi kami untuk menjana nilai berkekalan dan menggalakkan pembangunan mampan untuk kelebihan semua pihak berkepentingan.

**BURHANUDDIN HILMI BIN MOHAMED @ HARUN**  
Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Terengganu Inc

Menerusi platform tersebut, Kumpulan Terengganu Inc merangka agenda bagi 2024 yang merangkumi strategi perniagaan dan inisiatif seperti latihan korporat, strategi dalam tenaga boleh baharu (TBB), pengembangan perniagaan serta mengoptimumkan perniagaan teras.

Hasilnya, syarikat telah mengenal pasti beberapa projek antaranya pembangunan atap solar di bangunan-bangunan syarikat kumpulan, solar terapung berkapasiti 1000 MW di Kenyir, pengaktifan penggunaan tanah-tanah terbiar dan lain-lain.



Mesyuarat ketua-ketua syarikat membentangkan kajian strategik dan hala tuju, memfokuskan kepada penambahbaikan kluster pelaburan, pengurusan prestasi, mengoptimumkan kos, penerokaan perniagaan dalam teknologi hijau dan pertanian serta penstrukturan korporat.

Dalam usaha menggalakkan pelaburan, pertengahan Januari 2024 menyaksikan Terengganu Inc bersama anak syarikat Kumpulan, EPIC Berhad menyertai usaha merencanakan pertumbuhan ekonomi negeri melalui *Investment Business Meeting* yang telah diadakan di Hotel Le Meridien, Putrajaya.

**PENYERTAAN TERSEBUT MENUNJUKKAN KOMITMEN TERENGGANU INC DALAM MENDORONG PELABURAN, SERTA BERPERANAN SEBAGAI PERANTARA ANTARA KERAJAAN NEGERI DAN PARA PELABUR DALAM LANGKAH STRATEGIK JANGKA PANJANG DEMI MENGUKUHKAN LAGI EKONOMI NEGERI.**

Sebagai syarikat pelaburan induk strategik kerajaan negeri, Terengganu Inc memainkan peranan penting sebagai penasihat korporat menerusi pertemuan bersama 12 syarikat terpilih seperti TNB Power Generation Sdn Bhd (TNB Genco), Gentari Green Mobility Sdn Bhd, Jaks Solar Power / China Power Engineering dan lain-lain. Ini bagi memastikan kerajaan negeri berdaya saing dengan mewujudkan kerjasama strategik dengan pihak-pihak berpotensi.

# TERENGGANU INC RINTIS SUKUK


TERENGGANU INC TELAH MENYUMBANG KEPADA PEMAHAMAN DAN PERTUMBUHAN SUKUK DI RANTAU PANTAI TIMUR MENERUSI *PROFESSORIAL TALK 2023* DENGAN TOPIK 'PENGUMPULAN DANA MELALUI TERBITAN SUKUK'.



Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Encik Burhanudin Hilmi bin Mohamed @ Harun berkata, program siri kedua '*Professorial Talk*' mencerminkan komitmen Terengganu Inc dalam meningkatkan pengetahuan dan perkembangan kewangan Islam.

Menurut Setiausaha Kerajaan Terengganu merangkap Ahli Lembaga Pengarah Terengganu Inc, YBM Tengku Seri Bijaya Raja, pengumpulan dana melalui sukuk secara strategik dapat membantu dalam pembangunan mampan serta menyokong inisiatif sosial dalam Rangka kerja Sukuk SDG Kerajaan Malaysia.

**"SUKUK TELAH MENDAPAT PERHATIAN GLOBAL SEBAGAI SISTEM KEWANGAN YANG BERDAYA MAJU DAN INKLUSIF DENGAN MALAYSIA SEBAGAI NEGARA PELABUR SUKUK TERBESAR DI RANTAU INI DENGAN JUMLAH NILAI TERKUMPUL RM2 TRILION SETAKAT 31 OKTOBER 2023,"** katanya.



**"Program sehari bersama 150 peserta daripada pelbagai latar belakang korporat dan akademik ini bertujuan untuk memupuk perkongsian ilmu sekali gus menjadi pemangkin ke arah inisiatif bagi memperkasakan urusan perniagaan dan pelaburan korporat,"**

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) UniSZA, Prof. Ts. Dr. Shukor Bin Abd Razak berkata, program ini juga adalah sambungan hasil kerjasama Terengganu Inc bersama UniSZA menerusi '*Terengganu Inc-UniSZA Chair of Islamic Investment*', selama tiga tahun (2021-2023).

*Professorial Talk* merupakan salah satu aspek daripada kolaborasi tersebut yang bertujuan untuk mendapatkan pandangan yang lebih mendalam tentang pelaburan Islam.

Sebelum ini, Terengganu Inc mengukuhkan komitmennya terhadap kewangan Islam dengan penubuhan Jawatankuasa Syariah pada September 2022 dan kesinambungan daripada *Professorial Talk: Investment and Shariah Compliance Dillema* yang dijalankan pada Mac tahun lepas.


TDM BERHAD TELAH MEMBAYAR SEJUMLAH RM2,939,941.00 JUTA KEPADA LEMBAGA TABUNG AMANAH WARISAN NEGERI TERENGGANU (LTAWNT) SEBAGAI SEBAHAGIAN DARIPADA PERJANJIAN PERKONGSIAN KEUNTUNGAN USAHA SYARIKAT.



Tambah Najman Kamaruddin, "TDM akan terus mengekalkan momentum dengan memberi tumpuan penuh dalam meningkatkan kelestarian dan jangka hayat Bahagian Perladangan. Kami yakin perkara ini dapat dicapai dengan menggunakan teknik inovatif bagi meningkatkan kecekapan, mengurangkan keperluan tenaga buruh, sekali gus mencapai hasil jangka panjang yang maksimum."

# TDM BAYAR RM2.9 JUTA KEPADA LTAWNT

17 Januari 2024



Cek bayaran perkongsian keuntungan tersebut diserahkan oleh Pengarah Eksekutif TDM, Najman Kamaruddin, kepada Setiausaha LTAWNT, Nor Azam A Rahman @Yusof dengan disaksikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu, YBM Tengku Seri Bijaya Raja merangkap Pengerusi TDM, sejourus selesai mesyuarat Kerajaan Negeri di Wisma Darul Iman.

"Syarikat sekali lagi berpeluang menjana keuntungan usaha sama yang lebih besar buat LTAWNT. Keuntungan ini merupakan bukti komitmen syarikat dalam memberikan pulangan yang mampan bagi setiap pelaburan yang diamanahkan. Pencapaian ini turut disumbangkan oleh pelaksanaan pelan perniagaan strategik syarikat yang dijalankan secara berdisiplin dan sokongan berterusan tidak berbelah bahagi daripada kakitangan syarikat yang berdedikasi", kata Najman Kamaruddin, Pengarah Eksekutif TDM.



Ladang kelapa sawit ini diuruskan oleh bahagian perladangan TDM iaitu TDM Plantation Sdn Bhd (TDMP) menerusi usaha sama yang dimeterai oleh syarikat pada tahun 1996. LTAWNT memiliki 1,336 hektar ladang kelapa sawit yang terletak di Ladang Air Putih, Kemaman milik TDMP.

Syarikat juga secara strategik akan terus memberi tumpuan dalam meningkatkan jualan Minyak Sawit Mampan Diperakui (CSPO) dan Isirung Sawit Mampan Diperakui (CSPK) bagi memanfaatkan premium CSPO dan CSPK yang lebih tinggi.

TDM sentiasa optimis dan berwawasan dalam mengembangkan perniagaan perladangan serta penjagaan kesihatan. TDM akan terus fokus dan komited dalam meningkatkan produktiviti serta mengawal kos pengeluaran. Manakala, bagi bahagian kesihatan, TDM akan terus mempelbagaikan tawaran produk dan perkhidmatan bagi menghadapi cabaran ekonomi yang semakin mencabar.

# OTC ASIA 2024: EPIC BERHAD MEMPERKUKUH JARINGAN INDUSTRI MINYAK DAN GAS

27 Februari 2024

**OFFSHORE TECHNOLOGY CONFERENCE ASIA (OTC ASIA) 2024 TELAH MEMBUKA PELBAGAI PELUANG UNTUK EPIC BERHAD BERINTERAKSI BERSAMA PEMAIN INDUSTRI, PELANGGAN BERPOTENSI DAN RAKAN PERNIAGAAN SELAIN MENJALIN JARINGAN BAHARU BERSAMA ORGANISASI-ORGANISASI LAIN DI SANA.**



Pasukan syarikat yang diketuai oleh Ketua Pegawai Operasi Kumpulan EPIC, Haji Muhtar Suhaili turun padang untuk mempromosikan kepakaran dan penawaran perkhidmatan bersesuaian dengan keperluan semasa industri minyak dan gas.

Dalam acara yang sama, Ketua Syarikat Eastern Pacific Marine Services Sdn Bhd (EPMSMB) dan Sukma Samudra Sdn Bhd (SSSB), Kapten Mohd Kamarul Mamat

telah menyampaikan satu perkongsian bernas bertajuk "*Development of Green Shipping Recycling Facilities (GSRF)*".

Perkongsian tersebut menceritakan bagaimana pasukannya di EPMSBB giat menjalankan penyelidikan dan mempromosikan pembangunan yang menggabungkan teknologi inovatif bagi meningkatkan kecekapan dan kemampuan proses kitar semula dalam sektor perkhidmatan marin.



SYARIKAT AIR TERENGGANU SDN BHD (SATU) DENGAN JAYANYA MELANCARKAN PELAN ANTI-RASUAH (SACP) DAN POLISI CSR, TAJAAN DAN SUMBANGAN MENERUSI UNIT INTEGRITI & TADBIR URUS BERTEMPAT DI PERMAI HOTEL, TERENGGANU.



# SATU MELANCARKAN PELAN ANTI- RASUAH DAN POLISI CSR

28 Februari 2024

Menerusi pelancaran polisi ini, SATU berjaya merealisasikan objektif strategik sebagai peneraju perkhidmatan air terbaik di Malaysia yang bebas rasuah serta melaksanakan aktiviti perkhidmatan air dengan berintegriti.

Pembangunan pelan dan polisi ini juga menunjukkan komitmen pengurusan SATU dalam memperkasakan salah satu prinsip utama yang mesti diamalkan, dikenali dengan akronim TRUST, iaitu *top level commitment* (komitmen pengurusan tinggi).

Hadir bagi merasmikan majlis adalah Ahli Lembaga Pengarah SATU & Pengerusi Jawatan Kuasa Lembaga Integriti & Governans, Prof. Dato' Ir. Ts. Dr. Hj. Mohd Fozi Ali, Ahli Lembaga Pengarah SATU, Mohd Adram Musa, Ketua Pegawai Eksekutif SATU, Ts. Abdul Karim Endut dan juga Penolong Pesuruhjaya Timbalan Pengarah (Operasi) SRPM Terengganu, Tuan Zainal Ayop.

Pada bulan yang sama, SATU buat julung kalinya melancarkan pertandingan inovasi SATU pada tahun ini. Sebanyak 12 hasil produk inovasi dipertandingkan dengan penyertaan daripada setiap jabatan di SATU. Juara bagi Pertandingan Inovasi di rangkul oleh SATU daerah Besut, manakala tempat kedua telah dimenangi oleh SATU daerah Hulu Terengganu dan SATU Operasi.

Pertandingan ini menunjukkan komitmen dan inisiatif SATU dalam menyemai dan memperkasakan budaya inovasi dan kreativiti di kalangan warga kerja syarikat serta memberi impak yang besar kepada perkembangan dan kemajuan organisasi termasuk dalam aspek teknikal.





## MOHD ROSLAN MAMAT DILANTIK SEBAGAI PEMANGKU KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF GPB

13 Mac 2024

**NAIB PRESIDEN KANAN PEJABAT  
PRESIDEN & KETUA PEGAWAI  
EKSEKUTIF KUMPULAN TERENGGANU  
INC, MOHD ROSLAN MAMAT TELAH  
DILANTIK MENJADI PEMANGKU  
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF GOLDEN  
PHAROS BHD (GPB) BERKUAT KUASA  
13 MAC.**



GPB dalam satu kenyataan berkata, pelantikan Mohd Roslan Mamat adalah susulan persaraan Prof Dr Mohd Zaki Hamzah pada 12 Mac lalu. Pengumuman ini turut dinyatakan dalam satu kenyataan di Bursa Malaysia.

Sebelum ini, Mohd Zaki dilantik sebagai Pengarah Eksekutif GPB pada 3 September 2021 sebelum dilantik menjadi CEO pada Februari 2022 di syarikat pembalakan milik kerajaan Terengganu itu.

Sementara itu, Pengerusi GPB, Datuk Tengku Hasan Tengku Omar turut mengalukan pelantikan Mohd Roslan sebagai pemangku CEO. Pada masa sama, beliau menzahirkan penghargaan terhadap Mohd Zaki atas perkhidmatannya selama hampir tiga tahun di syarikat berkenaan.

Untuk rekod, Mohd Roslan pernah bertugas di TDM Berhad sebelum berkhidmat dengan Terengganu Inc pada akhir tahun 2021.

# LRTSB RAYAKAN KEJAYAAN LADANG SUNGAI PINANG DI MAJLIS TAHUNAN 2024

21 Januari 2024

LADANG RAKYAT TERENGGANU SDN BHD (LRTSB) TELAH MENGADAKAN MAJLIS MAKAN MALAM 2024 YANG BERLANGSUNG DI DEWAN SERI AMAR, CHUKAI, KEMAMAN. MAJLIS INI BERTUJUAN UNTUK MEMBERI PENGIKTIRAFAN ATAS USAHA SEMUA KAKITANGAN, PENGURUSAN SERTA MERAIKAN SELURUH WARGA KERJA DAN KELUARGA LRTSB.



Antara sorotan utama adalah Ladang Sungai Pinang yang mencatatkan produktiviti tertinggi dan kawalan kualiti terbaik di kalangan kesemua sembilan ladang yang lain. Kejayaan ini menunjukkan komitmen dan usaha yang gigih dari pasukan LRTSB dalam mengurus dan memajukan keluaran hasil kelapa sawit.

Selain itu, Ketua Eksekutifnya, Che Ku Hafez Che Ku Denang turut berkongsi inisiatif baharu LRTSB, terutamanya dalam mempelbagaikan pengeluaran hasil pertanian seperti projek komersial penanaman kelapa, yang menasaskan 100% Kadar Kecukupan Sara Diri (SSR) Kelapa di Negeri Terengganu.



Majlis tersebut turut dihadiri oleh Pengerusi LRTSB, YB Dato' Satiful Bahri Mamat, Ahli-ahli Lembaga Pengarah LRTSB, dan Pengurusan Tertinggi LRTSB.

Majlis ini juga adalah untuk mengeratkan hubungan di kalangan warga LRTSB serta menghargai sumbangan mereka dalam pembangunan ladang.

# GPQ SDN BHD LANGKAH KE HADAPAN: FOKUS CAPAI HASIL RM100 JUTA

27 Februari 2024

GPQ SDN BHD SEDANG GIAT  
MENUMPUKAN STRATEGI  
PERNIAGAAN TAHUN 2024 DENGAN  
FOKUS KHAS KEPADA MENCAPAI  
HASIL LEBIH DARIPADA RM100  
JUTA.

Matlamat ini telah diperincikan menerusi 'Management Retreat 2024' (MR2024) yang diadakan di Avani Sepang Goldcoast Resort, Selangor. Antara projek utama yang dibincangkan adalah projek Pembangunan *Quran Village* yang mengandungi Masjid Kariah di Presint 14, Putrajaya. Projek ini dijangka dapat membawa hasil yang optimum kepada syarikat.

*Management Retreat* ini diadakan oleh GPQ Sdn Bhd dengan tujuan untuk mengukuhkan kerjasama antara jabatan-jabatan dan menggalakkan kolaborasi yang erat di kalangan ahli pasukan dan kakitangan. Program selama tiga hari ini juga bertujuan untuk memupuk inovasi dan meningkatkan kemahiran dalam menyelesaikan masalah dalam organisasi.

Bertemakan #tothenextlevel, MR2024 turut meninjau pencapaian syarikat pada tahun 2023 yang melibatkan pembinaan, operasi kuari, pra campuran dan aktiviti pembangunan hartanah oleh syarikat subsidiari Konsortium Perumahan Rakyat Terengganu (KOPERAT) di Terengganu.



Pengerusi GPQ Sdn. Bhd, YB Dr Mamad Puteh turut hadir bagi merasmikan program tersebut. Di samping menekankan pematuhan kepada proses tadbir urus, beliau juga menekankan kepentingan mencapai sasaran hasil, dan memupuk pertumbuhan syarikat.



Ketua Pegawai Eksekutif, Noor Mohd Suhaimie Ismail yang memimpin MR2024 bersama 28 kakitangan terdiri daripada ketua anak syarikat, ketua bahagian dan kakitangan kanan, bertekad untuk meningkatkan prestasi syarikat, menghadapi cabaran, dan mengejar pertumbuhan yang mampan dalam industri pembinaan.



# TI PROPERTIES MENDAPAT PENGIKTIRAFAN EMAS MYTQA 2023 UNTUK JAMBATAN ANGKAT KUALA TERENGGANU

04 Mac 2024

TI PROPERTIES TELAH BERJAYA MENERIMA PENGIKTIRAFAN MYTQA 2023 MELALUI MENARA IKONIK KUALA TERENGGANU DRAWBRIDGE SEBAGAI PRODUK PELANCONGAN BUATAN MANUSIA (*MAN MADE TOURISM*) KATEGORI GOLD OLEH KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MALAYSIA (MOTAC).

Anugerah tersebut telah diterima oleh Ketua Pegawai Eksekutif TI Properties, Awasi Mohamad semasa majlis penyampaian anugerah yang diadakan di Primula Beach Hotel, Kuala Terengganu.



## MALAYSIA TOURISM QUALITY ASSURANCE (MYTQA)

menganugerahkan

## KUALA TERENGGANU DRAWBRIDGE

# GOLD AWARD

KUALITI KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN

Pengiktirafan MOTAC ini sekali gus menegaskan usaha berterusan TI Properties sebagai pengendali Jambatan Angkat Kuala Terengganu dalam mewujudkan tarikan luar bertaraf dunia. Ia tidak hanya memberi tumpuan kepada ikon pelancongan tetapi juga yang memberi tumpuan kepada kemudahan dan keselamatan.

Untuk pengetahuan, Program Malaysia Tourism Quality Assurance (MyTQA) merupakan inisiatif MOTAC untuk memberikan pengiktirafan kepada produk-produk pelancongan di Malaysia yang berkelayakan dan mencapai standard yang ditetapkan.

Penilaian turut dibuat oleh Panel Penilai Program MyTQA yang terdiri daripada wakil agensi kerajaan bersama wakil industri yang berkaitan.

TI Properties sentiasa berusaha bagi memastikan mutu perkhidmatan di Jambatan Angkat Kuala Terengganu sentiasa berada pada tahap yang cemerlang dan terus menjadi pilihan produk pelancongan yang terbaik untuk dilawati.

# TERENGGANU INC DAN KAWAT MENGANJURKAN PROGRAM 'BACK TO SCHOOL' BANTU PELAJAR KURANG BERKEMAMPUAN

27 Februari 2024

TERENGGANU INC MEMULAKAN INISIATIF PENDIDIKAN CSR BAGI TAHUN 2024, PROGRAM "BACK TO SCHOOL" KOLABORASI KELAB WARTAWAN MEDIA TERENGGANU (KAWAT), MENYEDIAKAN SET ALAT TULIS SERTA PAKAIAN SERAGAM SEKOLAH KEPADA PARA PELAJAR YANG KURANG BERKEMAMPUAN.



Seramai 30 pelajar dari keluarga kurang berkemampuan daripada Sekolah Kebangsaan Chendering telah menerima kit sekolah yang diagihkan oleh Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Burhanuddin Hilmi Mohamed @ Harun, dan disaksikan oleh pengetua serta guru-guru sekolah tersebut.

Setiap pelajar menerima sebuah beg sekolah yang diisi dengan bekalan alat tulis dan satu set lengkap pakaian seragam sekolah, termasuk kasut dan stokin. Bekalan ini bertujuan untuk memberi keperluan sekolah kepada pelajar SK Chendering agar mereka dapat menjalani persekitaran pembelajaran yang baik.

Program "Back To School" juga merupakan acara untuk menunjukkan penghargaan terhadap jasa dan liputan yang disampaikan oleh warga media Terengganu, dengan kehadiran lebih 15 agensi media terdiri daripada 80 orang wartawan, jurufoto dan ketua biro.

# EPIC "BACK TO SCHOOL" BANTU 100 PELAJAR DI DUA DAERAH

29 Februari 2024

EPIC BERHAD MEMULAKAN SIRI PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR) TAHUNANNYA DENGAN "EPIC BACK TO SCHOOL". PADA AWAL TAHUN INI, EPIC TELAH MEMBANTU PELAJAR SEKOLAH RENDAH YANG KURANG BERNASIB BAIK DARI KEMAMAN DAN KUALA TERENGGANU DALAM PERSEDIAAN MENGHADAPI PENGGAL PERSEKOLAHAN 2024.



Siri pertama program ini diadakan di SK Bukit Mentok, Kemaman, manakala siri kedua berlangsung di Hotel Raia Terengganu di mana seramai 100 pelajar mendapat manfaat daripada inisiatif ini melalui baucar pakaian sekolah, kasut, alat tulis, kotak makan tengah hari serta beg galas.

EPIC Berhad turut menghulurkan sumbangan wang kepada SK Bukit Mentok bagi menyokong aktiviti dan penyelenggaraan sekolah, khususnya berikutan banjir yang melanda baru-baru ini.

# TERENGGANU INC SALUR 200 BAKUL MAKANAN KEPADA MANGSA BANJIR DI DUNGUN



Barangan keperluan seperti tepung, mi, minyak masak, gula, kicap dan lain-lain barang kering telah berjaya disalurkan kepada golongan yang terjejas di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Paka dan DUN Bukit Besi.

Seramai 1,000 penduduk empat perkampungan di Hulu Dungun, telah terputus bekalan elektrik selepas beberapa pencawang elektrik ditenggelami banjir. Banjir yang melanda Hulu Dungun pada tahun ini dikatakan banjir yang paling teruk berbanding banjir yang pernah berlaku pada tahun 2014.

Turut hadir bagi menyalurkan bakul makanan tersebut ialah Isteri kepada Menteri Besar Terengganu, To' Puan Seri Tuan Faizah Tuan Ab Rahman.

Januari 2024

TERENGGANU INC DENGAN KERJASAMA PUSAT KHIDMAT MASYARAKAT DUNGUN DAN PERSATUAN ISTERI-ISTERI WAKIL RAKYAT DAN BEKAS WAKIL RAKYAT (KHAIRUNNISA') TELAH MENYUMBANG SEBANYAK 200 BAKUL MAKANAN DAN BARANGAN KEPERLUAN BAGI MERINGANKAN BEBAN KELUARGA YANG TERKESAN AKIBAT MUSIBAH BANJIR YANG MELANDA BARU-BARU INI.



# EPIC BERHAD, TDM BERHAD, SATU DAN GOLDEN PHAROS SUMBANG BANTUAN DI KAWASAN BANJIR BERSAMA 200 SUKARELAWAN

04 Februari 2024


ANAK SYARIKAT KUMPULAN TERENGGANU INC MENERUSI EPIC BERHAD, TDM BERHAD, SYARIKAT AIR TERENGGANU SDN BHD (SATU) DAN GOLDEN PHAROS SDN BHD TELAH MENJALANKAN MISI PASCA BANJIR BAGI MENGAGIHKAN BANTUAN SUMBANGAN BANJIR SERTA MENJALANKAN KERJA-KERJA PEMBERSIHAN DI KAWASAN PASIR RAJA, DUNGUN YANG TERJEJAS AKIBAT BANJIR.



Program ini merupakan sebahagian daripada inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang melibatkan lebih kurang 200 sukarelawan dari anak-anak syarikat Kumpulan Terengganu Inc, Majlis Perbandaran Dungun, dan Pembinaan Tetap Teguh Sdn Bhd (PTT).



Selain aktiviti pembersihan, misi itu turut melibatkan penyerahan sumbangan dalam bentuk keperluan makanan harian dan wang tunai kepada mangsa banjir terutamanya golongan warga emas dan keluarga kurang berkemampuan.



Penyerahan zakat berjumlah RM7,876,038.29 disampaikan oleh Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Terengganu Inc, Burhanuddin Hilmi Mohamed @ Harun turut disaksikan Yang Dipertua MAIDAM, YB. Dato' Shaikh Harun Shaikh Ismail.

Jumlah tersebut merupakan gabungan zakat perniagaan daripada Ladang Rakyat Terengganu Sdn Bhd (LRTSB) sebanyak RM2,777,128, EPIC Berhad sebanyak RM2,108,438 serta Syarikat Air Terengganu Sdn Bhd (SATU) sebanyak RM1,273,257.42.

Turut hadir, Setiausaha Kerajaan Terengganu, YBM Tengku Seri Bijaya Raja, Mufti Kerajaan Negeri Terengganu, Sahibus Samahah Prof. Madya Dato' Dr. Mohamad Sabri Haron dan Ketua Pegawai Eksekutif MAIDAM, Prof. Madya Dr. Ahmad Azrin Adnan.

Hadir sama, Ketua Eksekutif Ladang Rakyat Terengganu Sdn Bhd, Che Ku Hafeez Che Ku Denang, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan EPIC Berhad, Ridzuan Ali dan Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Air Terengganu Sdn Bhd, Ts Haji Abdul Karim Endut.

## KDYMM SULTAN TERENGGANU BERKENAN TERIMA ZAKAT KUMPULAN TERENGGANU INC RM7.8 JUTA

26 Februari 2024

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA (KDYMM) AL-WATHIQU BILLAH SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN BERKENAN MENERIMA ZAKAT PERNIAGAAN KUMPULAN TERENGGANU IN DI ISTANA SYARQIYYAH, CHENDERING.



## EPIC BERHAD BANTU 600 NELAYAN DI SEKITAR KEMAMAN

Bertempat di Kompleks Paya Lasir, Bandar Baru Kijal, program CSR tersebut digerakkan bagi membantu 600 nelayan sekitar Kemaman, dengan peruntukan syarikat sebanyak RM60,000 untuk agihan sumbangan wang tunai dan bakul makanan.

Sesi penyerahan bantuan telah disempurnakan oleh Menteri Besar Terengganu merangkap Ahli Parlimen Kemaman, YAB Dato' Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar. Turut turun padang mewakili pihak syarikat ketika penyerahan



bantuan ialah Muhtar Suhaili, Ketua Pegawai Operasi Kumpulan EPIC bersama barisan pengurusan.

1 Mac 2024

EPIC BERHAD BERPELUANG MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM MAJLIS SANTUNI NELAYAN PANTAI DAERAH KEMAMAN, SEBUAH PROGRAM BANTUAN YANG DITERAJUI OLEH PUSAT KHIDMAT MASYARAKAT AHLI PARLIMEN KEMAMAN BAGI MEMBANTU NELAYAN PANTAI DI DAERAH KEMAMAN.

## TERENGGANU INC KONGSI KASIH BERSAMA 40 KELUARGA ASNAF, JELAJAHI KEBERKATAN RAMADAN DI BATU BURUK



Misi ini telah melibatkan lebih 5 orang kru Jejak Ramadhan daripada 30 warga kerja Terengganu Inc yang telah mengagihkan sumbangan daripada warga Terengganu Inc, berbentuk wang tunai dan barangan keperluan harian bernilai RM15,000.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Terengganu Inc, Burhanuddin Hilmi bin Mohamed @ Harun turun padang bagi menyampaikan sumbangan dan kotak makanan kepada 40 buah keluarga yang menetap di Kampung Batu Buruk.

Warga kerja Terengganu Inc turut diraikan dengan juadah tradisi yang disediakan oleh komuniti Kampung Mak Jintan semasa majlis iftar di salah sebuah rumah penerima sumbangan berkenaan.

## 'EPIC JOM BERSIH 2024' KUTIP 459KG SAMPAH DI PANTAI

EPIC Berhad meneruskan inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) "EPIC Jom Bersih 2024", kali ini di Pusat Santuari Penyau Ma' Daerah dengan kerjasama WWF-Malaysia, NGO Geng Plastik Ija (GPI), Jabatan Perikanan Negeri Terengganu, dan PETRONAS IRSO.

18 Februari 2024

Bermula seawal 8.00 pagi, program tersebut mendapat penglibatan kira-kira 120 sukarelawan hadir memberikan sokongan untuk membersihkan kawasan pantai sekitar pusat santuari yang turut menjadi tempat pendaratan penyu.

Kerjasama yang diberikan oleh semua sukarelawan membuahkan hasil dengan rekod kutipan 459 kilogram sampah, di mana 172 kg daripada kutipan adalah merupakan botol-botol plastik yang akan dikitar semula oleh pihak GPI.



02 April 2024  
 INISIATIF TAHUNAN TERENGGANU INC, 'JEJAK RAMADAN 1445H' TELAH MENGAGIHKAN BANTUAN MAKANAN DAN SUMBANGAN WANG KEPADA 40 BUAH KELUARGA ASNAF DI KAWASAN DEWAN UNDANGAN NEGERI (DUN) BATU BURUK.

## TERENGGANU INC ANJUR PELBAGAI PROGRAM KEROHANIAN SEMPENA RAMADAN



Antara program yang dianjurkan adalah Program Agihan Bubur Lambuk yang diadakan sepanjang 3 hari pertama Ramadan bertempat di Masjid Abidin (Masjid Negeri).

Agihan 1000 bekas makanan tradisi ini merupakan salah satu usaha murni dalam menyalurkan makanan kepada masyarakat yang memerlukan, serta mengeratkan ikatan silaturahim di kalangan rakyat Terengganu khususnya.

Di samping itu, Terengganu Inc turut meneruskan program kerohanian seperti Tadarus al-Quran di peringkat jabatan sebagai sebahagian daripada usaha memperkukuhkan ikatan rohani dan mendorong penyertaan aktif dalam pembacaan Al-Quran sepanjang bulan Ramadan.

02 Mac 2024  
 DALAM MENYAMBUT BULAN RAMADAN YANG MULIA, TERENGGANU INC TELAH MENGADAKAN PELBAGAI PROGRAM KEROHANIAN YANG BERTUJUAN UNTUK MEMBERI MANFAAT KEPADA MASYARAKAT SETEMPAT DI NEGERI TERENGGANU.

# ONE TREE ONE STAFF RAIH KEJAYAAN, 3,774 POKOK DITANAM

23 Februari 2024

TERENGGANU INC SECARA RASMI MENUTUP PROGRAM ONE TREE ONE STAFF DENGAN JUMLAH PENYERTAAN DARIPADA ANAK-ANAK SYARIKAT DALAM KUMPULAN TERENGGANU INC, MENCAPAI JUMLAH PENANAMAN SEBANYAK 3,774 POKOK.



Pemenang tempat pertama adalah dari TDM Berhad, Zahari Jusoh, manakala tempat kedua adalah Tarmizi Omar dari Terengganu Inc, berdasarkan jumlah pokok yang paling banyak ditanam dan rekod yang paling banyak didaftarkan dalam Aplikasi Penghijauan Malaysia.



Gelaran Syarikat Terbaik diberikan kepada Syarikat Air Terengganu Sdn Bhd (SATU water), dengan penyertaan sebanyak 367 kakitangan, di mana CEO SATU sendiri turut serta dalam menanam pokok-pokok seperti Avokado, Limau Nipis, dan Limau.

Menghadapi tahun 2024, Kumpulan Terengganu Inc berazam untuk menanam lebih dari 400,000 pokok melalui operasi hutan di Hutan Tanaman GP, program penanaman di TDM Plantation dalam Program RELeaf Nestle, dan aktiviti penghijauan semula oleh KPKKT, selaras dengan Program Penghijauan Malaysia melalui Kempen Penanaman 100 Juta Pokok 2021-2025.

# GOLDEN PHAROS BERHAD LESTARIKAN BUKIT BAUK

18 Januari 2024

GOLDEN PHAROS BERHAD DAN MAJLIS PERBANDARAN DUNGUN (MPD) BERGANDING BAHU UNTUK SAMA MENERUSKAN INISIATIF MELESTARIKAN ALAM DENGAN PENANAMAN POKOK DI TAMAN RIMBA BUKIT BAUK, DUNGUN.



Berkolaborasi dengan GP Forest Plantation dan Terengganu Advanced Joint Digital Intelligent Development (TAJDID), 100 pokok Kapur telah ditanam di pintu masuk Taman Rimba Bukit Baik, memberikan tempat tinggal baru kepada pokok-pokok tersebut.

Dalam program "One Tree, One Staff", MPD menggesa agar setiap peserta menanam dua pokok dan memastikan penjagaan yang rapi bagi pertumbuhan mereka. "Setiap pokok yang baru ditanam akan dirawat dengan penuh dedikasi oleh pasukan kami sehingga ia tumbuh membesar dengan sendirinya. Kami percaya bukan hanya terhadap penanaman tetapi matlamat kami adalah untuk membina warisan hijau yang subur," jelasnya.

Sementara itu, YDP MPD, Mohd Rashdan menyuarakan harapannya agar program ini memberi kesan yang berkekalan terhadap alam sekitar. Beliau juga berkongsi visi MPD untuk menjadikan kawasan empat hektar ini sebagai pusat rekreasi dan pendidikan untuk pemuliharaan hutan.

# KUMPULAN TERENGGANU INC TAJA TSG RM 2 JUTA PADA TAHUN 2024

07 Mac 2024

SEBUAH PERJANJIAN DENGAN TERENGGANU CYCLING TEAM (TSG) TELAH DITANDATANGANI BAGI MENYOKONG TAJAAN KUMPULAN TERENGGANU INC BERNILAI RM2 JUTA UNTUK MENINGKATKAN PRESTASI TSG BAGI MUSIM 2024.

Perjanjian tajaan ini melibatkan Terengganu Inc dan anak-anak syarikat di bawah kumpulan termasuk Eastern Pacific Industrial Corporation (EPIC) Berhad, Husa Network Sdn Bhd (Manis FM), Primula Beach Hotel dan Permai Hotel Kuala Terengganu dalam bentuk kewangan dan 'inkind'.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Burhanuddin Hilmi Mohamed @ Harun, menyatakan keyakinan syarikat terhadap TSG dan penjenamaan Kumpulan di peringkat antarabangsa sejak lapan tahun lalu.



"Tahun ini, kami mengumumkan sokongan tajaan dari Eastern Pacific Industrial Corporation Berhad (EPIC), yang akan membawa penjenamaan syarikat ini ke tahap yang lebih tinggi. TSG juga yakin dalam mengekalkan gelaran sebagai juara Jelajah Asia Kesatuan Berbasikal Antarabangsa (UCI) serta menyasarkan peringkat tertinggi dunia UCI," katanya.

Terengganu Inc telah memperuntukkan RM2 juta pada tahun 2023 dan RM1.5 juta pada tahun 2022 bagi memperkukuhkan jenama serta hubungan dengan TSG.

Terengganu Inc juga yakin dengan fokus TSG untuk mencapai kejuaraan melalui perlumbaan PETRONAS Le Tour de Langkawi (LTdL) 2024 yang akan berlangsung dari 29 September hingga 6 Oktober tahun ini.

Majlis yang diadakan di Permai Hotel Kuala Terengganu turut disertai oleh wakil anak-anak syarikat Kumpulan Terengganu Inc, termasuk Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Belia, Sukan dan NGO, YB Mohd Fadhli Rahmi Zulkifli. Manakala TSG diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Che Ku Mohd Izmuddin Che Ku Mahmood.

# EPIC BERHAD DAN SATU SUNTING SEMANGAT PASUKAN HOKI TERENGGANU (THT)

06 Februari 2024



EPIC BERHAD DAN SYARIKAT AIR TERENGGANU SDN BHD (SATU) TERUS MEMBERIKAN SOKONGAN KEPADA PASUKAN HOKI TERENGGANU (THT) DALAM MENGHADAPI MUSIM 2024 LIGA HOKI MALAYSIA (LHM).



EPIC Berhad menyumbang RM25,000 sebagai sokongan kewangan kepada THT untuk membantu persiapan pemain-pemain pasukan tersebut menjelang permulaan liga pada awal Februari. Sesi penyerahan sumbangan telah diadakan di Pejabat Korporat EPIC Berhad, Kuala Terengganu, disempurnakan oleh Ketua Pegawai Operasi Kumpulan EPIC, Muhtar Suhaili dan disaksikan

oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kemasik merangkap Penaung PHT, YB Ir Saiful Azmi Suhaili.

Di samping itu, SATU turut meneruskan tajaan kepada THT bagi musim 2024 dengan nilai tajaan sebanyak RM100,000.00. Tajaan ini diserahkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif SATU, Ts. Abdul Karim Endut, kepada Penaung THT.

Dengan tajaan ini, EPIC Berhad dan SATU berharap dapat membawa impak positif kepada industri sukan serta memupuk pertumbuhan dan pembangunan hoki di Terengganu sekaligus memacu prestasi dalam menghadapi musim 2024 Liga Hoki Malaysia (LHM).



**KARNIVAL BEAUTIFUL TERENGGANU MALAYSIA 2024: KUMPULAN TERENGGANU INC MEMBAWA SERIBU KEGEMBIRAAN!**  
22 Februari 2024



KARNIVAL BEAUTIFUL TERENGGANU MALAYSIA 2024 TELAH KEMBALI LAGI DENGAN PENUH SEMANGAT DI DATARAN SHAHBANDAR, KUALA TERENGGANU BERMULA 22 SEHINGGA 25 FEBRUARI 2024. ACARA INI DIANJURKAN OLEH KUMPULAN TERENGGANU INC DAN MENYEDIAKAN PELBAGAI AKTIVITI MENARIK UNTUK PENGUNJUNG.

Booth Kumpulan Terengganu Inc telah menjadi tumpuan para pengunjung dengan pelbagai aktiviti menarik seperti Ujian Kesihatan Percuma yang disediakan oleh KMI Kuala Terengganu Medical Centre, serta hidangan kopi dan manisan yang lazat daripada Permai Hotel Kuala Terengganu dan Primula Beach Hotel.

Pengunjung juga berpeluang untuk memenangi hadiah menarik melalui Permainan Teka-Teki dan Cabutan Hadiah anjuran TDM Berhad dan EPIC Berhad. Selain itu, promosi menarik untuk Jambatan Angkat Kuala Terengganu turut ditawarkan oleh TI Properties Sdn Bhd.

Booth ini juga menerima kunjungan daripada YB Datuk Razali bin Idris, Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, serta Ketua-ketua Anak Syarikat Kumpulan Terengganu Inc.

Karnival ini melabuhkan tirai dengan jayanya di Dataran Shahbandar, Kuala Terengganu. Terengganu Inc berharap dapat berjumpa lagi pada penganjuran akan datang!

"Kami mengalu-alukan semua untuk menyertai kami di Karnival Beautiful Terengganu Malaysia 2024! Datang dan serbu booth 45 untuk pengalaman yang tidak terlupakan!" kata wakil daripada Kumpulan Terengganu Inc.



# 'A WALK WITH NATURE 2.0': TERENGGANU INC JALIN KEPRIHATINAN ALAM SEKITAR

15 Januari 2024

TERENGGANU INC MENERUSI KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN (TISAW) MENGANJURKAN 'A WALK WITH NATURE 2.0' DI KENYIR ELEPHANT CONSERVATION VILLAGE (KECV) PADA 15 JANUARI.



A walk with Nature 2.0 bermula dengan perkongsian menarik tentang 17 ekor gajah terancam oleh krew KECV, diikuti dengan aktiviti *trekking* di atas jambatan gantung sepanjang 600 meter. Selain itu, program pertandingan mewarna turut diadakan untuk kanak-kanak.

Program ini bertujuan untuk memupuk semangat warga kerja kakitangan Terengganu Inc yang turut hadir memeriahkan program tersebut supaya lebih peka terhadap alam sekitar sambil meluangkan masa bersama dan memperkukuhkan ikatan di antara warga kerja Terengganu Inc.





Kemeriahan sambutan ini diserikan dengan perarakan beca-beca daripada pelbagai syarikat termasuk TDM Berhad, EPIC Berhad, Syarikat Air Terengganu (SATU), Ladang Rakyat Terengganu Sdn Bhd (LRT), Golden Pharos Berhad, GPQ, Permai Hotel, dan Primula Beach Hotel.

Sambutan ini disemarakkan lagi dengan persembahan perarakan daripada peserta-peserta cilik, memperagakan budaya masyarakat Terengganu yang terkenal dengan kampung nelayan, tarian serta permainan tradisional.

Hasil daripada usaha warga Terengganu Inc, sebuah hadiah saguhati berjumlah RM700 dan sijil telah dihadiahkan atas penyertaan pertandingan beca berhias. Hadiah ini merupakan satu bukti pencapaian Terengganu Inc untuk mempamerkan konsep Marine Dome kepada rakyat Terengganu.

Pertandingan ini bukan hanya memperagakan keunikan setiap rekaan beca, tetapi juga untuk mempersembahkan warisan kebudayaan dan kemasyarakatan yang menjadi kebanggaan Tuanku kepada orang luar.

Sebagai sebuah syarikat pelaburan induk kerajaan negeri, penyertaan ini merupakan salah satu komitmen Terengganu Inc dalam melestarikan dan mempromosikan warisan seni bina serta kebudayaan tempatan

## KUMPULAN TERENGGANU INC PAMER WARISAN BUDAYA TEMPATAN DALAM PERTANDINGAN KENDERAAN BERTIAS 2024

BARU-BARU INI, TERENGGANU INC TELAH MENYERTA PERTANDINGAN KERETA BERTIAS DI DATARAN JAMBATAN DRAWBRIDGE BERSEMPENA SAMBUTAN HARI KEPUTERAAN KDYMM SULTAN TERENGGANU YANG KE-22.

Beca berhias Kumpulan Terengganu Inc menggabungkan konsep inovasi dan warisan Marina Dome, Jambatan Pulau Poh di Tasik Kenyir, serta reka bentuk rumah tradisional Terengganu

Beca ini berarak dengan megah bersama para hulubalang yang mengiringi Tuan Puteri ke singgahsana. Penampilan beca Terengganu Inc ini yang dihiasi dengan lampu tenaga solar berwarna-warni, menarik perhatian pengunjung.



# JEJAK RAMADAN 2024: TERENGGANU INC SUMBANG RM46,000 KEPADA 60 KELUARGA ASNAF

MELALUI INISIATIF TAHUNAN JEJAK RAMADAN, TERENGGANU INC TELAH MENUNJUKKAN KOMITMEN YANG BERTERUSAN DALAM MEMBERIKAN SUMBANGAN YANG BERMAKNA KEPADA KOMUNITI ASNAF.

Pada tahun ini, Terengganu Inc telah mengagihkan bantuan makanan, sumbangan wang kepada kakitangan, serta zakat wakalah syarikat sebanyak RM46,000 kepada 60 keluarga asnaf yang memerlukan di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Batu Buruk.

Inisiatif ini dianjurkan bertujuan untuk memberi harapan dan sokongan kepada mereka yang memerlukan, sejajar dengan slogan "Kongsi Kasih, Jelajah Keberkatan". Setiap bantuan disampaikan dengan penuh keikhlasan sebagai tanda penghargaan kami terhadap kesempatan untuk berkhidmat kepada masyarakat.

Jejak Ramadan 2024 ini dilanjutkan dengan melibatkan 50 orang ahli Terengganu Inc dalam pengagihan bantuan kepada keluarga asnaf di beberapa kawasan, termasuk Chendering, Kampung Raja, dan Kuala Ibai.

Terengganu Inc turut menyambut kehadiran Dr. Farhanaa Husainy binti Abdullah, isteri serta wakil YB ADUN Batu Buruk, yang hadir untuk menyokong dan



menyertai program ini dengan hati yang terbuka. Beliau dengan penuh semangat turut menyantuni dan menyerahkan bantuan kepada beberapa penerima.

Dengan komitmen tinggi untuk membantu mereka yang memerlukan, Kumpulan Terengganu Inc berharap agar terus menjadi harapan dan sokongan bagi komuniti di sekitar negeri.



TDM DENGAN BANGGANYA MENGUMUMKAN PENGIKTIRAFANNYA SEBAGAI RAKAN STRATEGIK YAYASAN PEMULIHARAAN HIJAU MINYAK SAWIT MALAYSIA (MPOGCF) ATAS USAHA KERJASAMANYA DALAM PROJEK 'RIVER OF LIFE' DAN 'LIVING TOGETHER WITH ELEPHANT'.



# MPOGCF MENGIKTIRAF TDM PLANTATION SEBAGAI RAKAN STRATEGIK

07 Mei 2024

Pengiktirafan ini diterima di Biodiversity Forum 2024 Gala Dinner, yang dirasmikan oleh En Hairulazim Mahmud, Pengarah Besar MPOGCF, di Resorts World Awana, Genting Highlands. En Hamdan Ibrahim, Ketua Pegawai Eksekutif TDM Plantation Sdn Bhd, yang turut hadir, menerima anugerah tersebut bagi pihak TDM Plantation Sdn Bhd.

Sepanjang 3 hari program Biodiversity Forum 2024, yang berlangsung dari 7 hingga 8 Mei 2024 dan disertai oleh 1,000 peserta secara fizikal serta

dalam talian, TDM dan Pengurusan TDM Plantation melibatkan diri dalam berbagai aktiviti. Forum itu menjadi sebuah platform untuk para saintis, penyelidik, syarikat perladangan, pendidik, pelajar, dan pihak berkepentingan yang terlibat dalam pemuliharaan dalam landskap ladang kelapa sawit Malaysia untuk bersatu.

Sebagai sebahagian daripada forum itu, khususnya pada hari terakhir, TDM juga mengambil bahagian dalam aktiviti penanaman pokok dan jejak berpandu di Genting Highlands, diketuai oleh Eddie Chan, Pengurus Perkhidmatan Alam Sekitar. Inisiatif ini dianjurkan dengan tujuan untuk memupuk penghargaan terhadap biodiversiti serta berkongsi pengetahuan dengan seluruh masyarakat.

TDM kekal komited terhadap kelestariannya, sejajar dengan objektif UNSDGs dan ESG. Diharapkan melalui usaha ini, kebajikan dan pemuliharaan alam sekitar akan memberi impak yang positif. Ladang-ladang TDM, yang terkenal dengan biodiversitinya, berusaha untuk memenuhi kelestarian serta pawaian amalan yang terbaik.



# KMI HEALTHCARE DINOBATKAN SEBAGAI HOSPITAL PAKAR KOMUNITI TERBAIK DI ANUGERAH GLOBAL HEALTH ASIA-PASIFIK 2024

09 Mei 2024

KUMPULAN MEDIC IMAN SDN BHD (KMI HEALTHCARE), SEBUAH PERKHIDMATAN KESIHATAN TERKEMUKA DI MALAYSIA BANGGA MENERIMA PENGILTIRAFAN SEBAGAI HOSPITAL PAKAR KOMUNITI TERBAIK MALAYSIA UNTUK TAHUN INI DALAM ANUGERAH BERPRESTIJ GLOBALHEALTH ASIA-PACIFIC 2024.



Majlis anugerah yang bertempat di JW Marriott Phuket Resort dan Spa pada 4 Mei 2024, meraikan kecemerlangan KMI Healthcare dalam penyediaan khidmat kesihatan di seluruh rantau Asia-Pasifik.

Dr. Rayney Azmi bin Ali, Ketua Pegawai Eksekutif KMI Healthcare, dengan penuh hormat menerima anugerah tersebut dari pihak syarikat, beliau menyatakan rasa terima kasih yang mendalam atas pengiktirafan terhadap kontribusi KMI Healthcare dalam memberikan khidmat kesihatan yang cemerlang kepada komuniti di seluruh Malaysia.

Anugerah GlobalHealth Asia-Pasifik bertujuan untuk menonjolkan penyedia perkhidmatan kesihatan yang secara konsisten dapat mengekalkan piawaian penjagaan dan inovasi luar biasa dalam perkhidmatan perubatan. Pengiktirafan KMI Healthcare sebagai Hospital Pakar Komuniti Terbaik bagi tahun ini menekankan komitmen teguh mereka kepada slogan 'Leading Healthy Life' serta mengukuhkan kedudukannya sebagai penyedia perkhidmatan kesihatan pilihan yang dipercayai dalam komuniti yang mendapati khidmatnya.

# KMI HEALTHCARE LANCAR PERKHIDMATAN ORTOPEDIK DI TAWAU

PUSAT PERUBATAN KMI TAWAU (KMI TAWAU), SALAH SATU RANGKAIAN KUMPULAN MEDIC IMAN (KMI HEALTHCARE), DENGAN BANGGANYA MENGUMUMKAN PERMULAAN RASMI UNTUK PERKHIDMATAN ORTOPEDIK.

11 Mei 2024



Majlis perasmian perkhidmatan Ortopedik telah disempurnakan oleh Tuan Haji Anuar Bin Ali, Pengarah KMI Tawau. Pelancaran ini mencerminkan perkembangan Hospital KMI Tawau dalam menyediakan rawatan yang berkualiti, sejajar dengan slogan syarikat 'Leading Healthy Life.'

Antaran khidmat rawatan yang ditawarkan oleh Perkhidmatan Ortopedik KMI Tawau adalah prosedur invasif minimal, pembedahan sukan, pembedahan tulang belakang, artroplasti, pembedahan deformiti anggota badan, patologi tangan, kaki, serta pergelangan kaki, rawatan luka dan

penutupan alih, perubatan regeneratif, pengurusan trauma dan patah tulang, serta pengurusan intervensi kesakitan.

# TS. HAJI MUHTAR SUHAILI DILANTIK SEBAGAI GCEO BAHARU EPIC BERHAD

17 April 2024

EPIC BERHAD BERBESAR HATI MENGUMUMKAN PELANTIKAN TS. HAJI MUHTAR SUHAILI SEBAGAI KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN YANG BAHARU BERKUAT KUASA PADA 17 APRIL 2024, MENGGANTIKAN ENCIK RIDZUAN ALI YANG TELAH MENAMATKAN PERKHIDMATAN BELIAU BERSAMA SYARIKAT.



Pelantikan ini juga merupakan kenaikan pangkat buat beliau yang sebelum ini memegang jawatan sebagai Ketua Pegawai Operasi Kumpulan EPIC sejak 1 Disember 2022.

Berbekalkan kepakaran dan pengalaman lebih 20 tahun dalam pelbagai industri,

termasuk minyak dan gas, automotif, komoditi, pengurusan pelabuhan, sektor logistik, dan tenaga boleh diperbaharui, beliau berhasrat untuk membawa Kumpulan EPIC ke tahap yang lebih tinggi sekaligus menyumbang kepada pembangunan mampan Negeri Terengganu.

# EPIC BERHAD RANGKUL ANUGERAH THE BRAND LAUREATE NATION BRANDING

29 Mei 2024

EPIC BERHAD MENAMBAH SATU LAGI PENCAPAIAN CEMERLANG APABILA BERJAYA MERANGKUL ANUGERAH NATION BRANDING BAGI KATEGORI TENAGA DAN INFRASTRUKTUR BERSEPADU (INTEGRATED ENERGY AND INFRASTRUCTURE) DI "THE BRANDLAUREATE FAST MOVING GROWING SUSTAINABLE BUSINESS & BRANDS AWARDS 2024" YANG DIANJURKAN OLEH THE WORLD BRANDS FOUNDATION.

Ts. Haji Muhtar Suhaili, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, hadir menerima anugerah tersebut bagi pihak syarikat pada majlis penganugerahan yang berlangsung di The Majestic Hotel, Kuala Lumpur

Pengiktirafan ini merupakan penghargaan terhadap strategi perniagaan Kumpulan EPIC yang dirangka untuk memenuhi pelbagai keperluan pelanggan bertepatan dengan landskap dan peluang perniagaan di Malaysia yang sentiasa berkembang pesat, khususnya dalam industri minyak dan gas serta tenaga boleh diperbaharui, supaya kekal berada di hadapan.

Kemenangan anugerah berprestij ini juga merupakan pengiktirafan kepada barisan ahli Lembaga Pengarah, pihak pengurusan, dan seluruh kakitangan di Kumpulan EPIC atas dedikasi, sumbangan, serta usaha dalam memastikan penawaran dan perkhidmatan berkelas tinggi. Komitmen ini telah membawa syarikat ke tahap hari ini, selaras dengan slogan perniagaan 'Shaping the Growing Future' dan slogan budaya kerja 'BE FACT (Better, Faster, Competitive)'



# EPIC BERHAD LANCAR OPERASI DUA KREN BAHARU DAN TALI SAWAT, TINGKAT KECEKAPAN PELABUHAN

12 Jun 2024

EPIC BERHAD BERBESAR HATI MENGUMUMKAN PELANCARAN RASMI OPERASI DUA GANTRI BAHARU DAN TALI SAWAT (CONVEYOR BELT) DI DERMAGA TIMUR, PELABUHAN KEMAMAN, MENANDAKAN SATU LAGI KEMAJUAN SIGNIFIKAN DALAM MENINGKATKAN KECEKAPAN DAN KAPASITI PENGENDALIAN PELABUHAN.

Majlis pelancaran telah disempurnakan oleh Haji Burhanuddin Hilmi Mohamed @ Harun, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Terengganu Incorporated Sdn Bhd (Terengganu Inc), serta YB Datuk Haji Ahmad Amzad Mohamed @ Hashim, Pengarah EPIC Berhad dan Pengerusi Konsortium Pelabuhan Kemaman Sdn Bhd (KPKSB).

Dua kren baharu yang mula beroperasi pada 5 Mei 2024 ini dijangka meningkatkan kapasiti pelabuhan daripada 4 juta tan metrik (MT) setahun kepada 7 juta MT setahun. Ia menunjukkan impak transformatif terhadap aktiviti pelabuhan, dengan pengendalian kargo tiga kali lebih tinggi daripada penggunaan kren kapal. Hasilnya, tempoh kapal berlabuh dapat dikurangkan sebanyak tiga kali ganda, sekaligus meningkatkan kapasiti pelabuhan, memendekkan 'turnaround time' dan meningkatkan produktiviti keseluruhan.



Tali sawat sepanjang 8.2 kilometer yang siap dipasang April lalu kini menghubungkan Pelabuhan Kemaman dengan kilang Eastern Steel Sdn Bhd (ESSB). Penyediaan infrastruktur ini mengoptimumkan operasi pengangkutan kargo dengan lebih lancar dari pelabuhan ke fasiliti kilang.

Majlis tersebut turut dihadiri oleh tetamu kehormat, termasuk Dato' Tee Choon Hock, Pengarah ESSB, dan Dato' Ong Chong Sek, Pengarah Eastern Steel Material Handling Sdn Bhd (ESMH). Kehadiran mereka mencerminkan sokongan dan

hasil kerjasama erat, yang dijalin tahun lalu antara KPKSB dan ESMH tahun lalu untuk membekal dan menyelenggara dua kren dermaga tambahan di Dermaga Timur.

Turut hadir ke majlis ialah Dato' Asmawi Nordin, Pengurus Kanan Lembaga Pelabuhan Kemaman, Ts. Haji Muhtar Suhaili, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan EPIC, Encik Wan Mohd Azilah bin Wan Abdullah, Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan EPIC, dan Haji Ashari Mohammad, Pengurus Besar Kanan Pelabuhan dan Perkhidmatan Marin.





## GOLDEN PHAROS BERHAD PRIHATIN, SUMBANG 3 BUAH KIPAS KEPADA SMK SERI BERANG

20 Mei 2024

GOLDEN PHAROS BERHAD BERBESAR HATI TELAH MENYUMBANGKAN SEBANYAK TIGA BUAH KIPAS SILING KEPADA SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SERI BERANG YANG TERLETAK DI KAWASAN HULU TERENGGANU.

Sumbangan ini dijamin dapat dimanfaatkan oleh lebih daripada 300 orang pelajar sekolah tersebut, terutamanya semasa sesi pembelajaran di dalam kelas.

Turut hadir dalam majlis tersebut adalah Zulkifli Omar, Ketua Jabatan Perkhidmatan Korporat yang mewakili Ketua Pegawai Eksekutif untuk merasmikan Mesyuarat Agung ke-22 Persatuan Ibubapa dan Guru sekolah tersebut pada 19 Mei 2024 semalam.

Golden Pharos Berhad sentiasa komited dalam menyokong sektor pendidikan, selaras dengan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang dilaksanakan oleh syarikat. Sumbangan seperti ini bukan sahaja membantu menyediakan persekitaran pembelajaran yang lebih baik, tetapi juga menunjukkan sokongan dan keprihatinan syarikat terhadap pembangunan pendidikan di kawasan tersebut.



GPQ Sdn. Bhd. bersama Pejabat Pusat Khidmat Masyarakat DUN Tepoh telah menganjurkan Program Ibadah Korban pada 19 Jun 2024 bersamaan 12 Zulhijjah 1445H bertempat di Surau Kg. Pak Tuyu, Mengabang Telipot, Kuala Nerus, Terengganu.

Turut hadir memeriahkan program ini ialah YB Dato' Dr. Alias bin Razak, Ahli Parlimen Kuala Nerus, YB Ustaz Hishamuddin bin Abdul Karim, Pengerusi GPQ Sdn. Bhd., Ahli Lembaga Pengarah, barisan pengurusan dan kakitangan GPQ serta kakitangan Pejabat Pusat Khidmat Masyarakat DUN Tepoh.



Berkat kerjasama semua yang hadir pada program tersebut, pembahagian daging korban kepada penduduk setempat telah berjaya diagihkan dengan lancar.

## KERJASAMA GPQ SDN BHD DAN PEJABAT PUSAT KHIDMAT MASYARAKAT DUN TEPOH, ANJUR PROGRAM IBADAH KORBAN DI KG. PAK TUYU

19 Jun 2024

GPQ Sdn Bhd harap agar ibadah korban dan amal kebajikan yang dilakukan atas dasar keikhlasan dan ketakwaan kepada Allah SWT diterima dan mendapat ganjaran pahala yang berlipat ganda.

# MANIS FM MENYULAM IMPIAN DALAM INDUSTRI MEDIA MELALUI PROGRAM RADIO SEKOLAH 2024

30 April 2024

MANIS FM SECARA RASMINYA TELAH MELANCARKAN PROGRAM RADIO SEKOLAH UNTUK TAHUN 2024 SEBAGAI SATU LANGKAH KOMITMEN TERHADAP MATLAMAT KEEMPAT SUSTAINABLE DEVELOPMENT: QUALITY EDUCATION.

Inisiatif program ini bertujuan untuk memperkaya pengalaman pelajar-pelajar dengan memberikan pandangan praktikal mengenai industri media. Program ini secara khusus melibatkan ahli Kelab TV Huffaz dari SM Imtiaz Yayasan Terengganu, yang terdiri daripada 38 pelajar berbakat dan bersemangat. Program ini bukan hanya memberi peluang untuk mereka belajar, tetapi juga sebagai motivasi dan inspirasi untuk pelajar-pelajar mengejar kerjaya dalam industri media.

Sepanjang program ini berlangsung, 38 ahli Kelab TV Huffaz telah didedahkan kepada pelbagai aspek penyiaran radio, termasuk pengeluaran, penyuntingan, dan persembahan di udara. Mereka dibimbing oleh profesional berpengalaman dari industri media, yang memberikan mereka pengalaman dan pengetahuan langsung tentang operasi stesen radio.

Manis FM berharap program ini dapat memberi inspirasi dan motivasi kepada pelajar, serta melengkapi mereka dengan kemahiran dan keyakinan yang diperlukan untuk meniti kerjaya dalam sektor media pada masa hadapan.



15 Mei 2024

## MANIS FM MENGUKUHKAN KOMITMEN TERHADAP INDUSTRI MEDIA, LANCAR SIRI KEDUA PROGRAM SEKOLAH RADIO

Manis FM kembali dengan meneruskan siri kedua Program Sekolah Radio yang berjaya dilancarkan pada April lepas. Program ini menyambut baik kumpulan pertama pelajar yang mendaftar dalam kursus Media Penyiaran Islam di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), di bawah pengurusan Fakulti Pengajian Kontemporari Islam.

Pelajar-pelajar kursus itu diberikan pengalaman menyeluruh mengenai operasi Manis FM, termasuk melibatkan diri dalam sesi rakaman dan menerima taklimat terperinci mengenai fungsi stesen radio. Inisiatif ini dirancang untuk mempersiapkan mereka dengan pengetahuan praktikal dan kemahiran yang diperlukan untuk berjaya dalam karier penyiaran Islam.



04 Jun 2024

## SIRI KETIGA PROGRAM SEKOLAH RADIO BERI PENDEDAHAN PRAKTIKAL TENTANG PENYIARAAN RADIO



Manis FM dengan bangga mengumumkan pelancaran siri ketiga Program Sekolah Radio. Sambungan program ini menandakan induksi 17 pelajar Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dalam kursus Media Penyiaran Islam di bawah Fakulti Pengajian Kontemporari Islam. Para pelajar aktif terlibat dalam pelbagai aktiviti yang dirancang untuk memperdalam pemahaman mereka mengenai penyiaran radio profesional.

Tambahan pula, mereka diberikan pendedahan praktikal terhadap peralatan seperti mikrofon, papan bunyi, dan perisian rakaman. Selain itu, mereka juga mengasah kepakaran dalam modulasi vokal, teknik penyampaian, proses temu duga, pengacaraan, serta prinsip asas penyuntingan dan pengeluaran audio.

ATAS DASAR KEPRIHATIHAN DAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL, SATU TELAH MENJAYAKAN MISI BANTUAN PENGHANTARAN LORI TANGKI AIR KE NEGERI KELANTAN BAGI MEMBANTU MEMBEKALKAN AIR BERSIH BERIKUTAN INSIDEN PENURUNAN ARAS AIR SUNGAI KELANTAN.

# SATU HANTAR LORI TANGKI AIR KE KELANTAN

01 April 2024



Insiden tersebut dilaporkan telah menjejaskan pengoperasian Loji Rawatan Air (LRA) Kelar, Pasir Mas serta menyebabkan gangguan bekalan air di beberapa kawasan utama di Kelantan.

Bantuan lori tangki daripada daerah Kuala Terengganu telah dihantar ke kawasan yang terjejas bagi meringankan beban penduduk setempat.

Selaras dengan perjanjian MOU, SATU sentiasa komited dalam usaha menjalankan kerjasama strategik antara operator air di seluruh negeri terutama dalam menangani dengan isu dan cabaran utama perkhidmatan air.



# PERMAI HOTEL & PRIMULA BEACH HOTEL : MAJLIS MAKAN MALAM BERSAMA KONTINJEN OLAHRAGA DAN BOLA TAMPAR PANTAI SUKMA XXI

02 Jun 2024

PRIMULA BEACH HOTEL BERSAMA KETUA KONTINJEN SUKMA XXI, SUKMA SARAWAK TELAH MERAIKAN KONTINJEN OLAHRAGA DAN BOLA TAMPAR PANTAI NEGERI TERENGGANU DALAM SATU MAJLIS MAKAN MALAM BERTEMPAT DI BAYU RESTAURANT, PRIMULA BEACH HOTEL.

Kolaborasi ini bertujuan menyuntik semangat dan motivasi kepada para atlet yang bakal bertanding dalam SUKMA XXI, SUKMA Sarawak pada Ogos nanti.



Majlis ini juga menjadi platform untuk merapatkan hubungan antara para atlet, jurulatih, dan pihak pengurusan dalam usaha membina semangat kerjasama berpasukan. Acara ini juga diharapkan dapat memupuk minat dan sokongan komuniti terhadap sukan, sekali gus memperkukuhkan budaya sukan di Negeri Terengganu.

Untuk menjadikan acara ini lebih bermakna, pihak Primula menyediakan persembahan gimik pembukaan majlis yang sangat istimewa. Persembahan silat dipamerkan oleh kakitangan hotel semasa gimik pembukaan, mencipta suasana meriah dalam majlis tersebut. Selain itu, tayangan video yang memaparkan kata-kata semangat daripada wakil setiap jabatan turut ditayangkan.

Video tersebut memperlihatkan sokongan padu dari semua lapisan organisasi, mengingatkan para atlet bahawa mereka tidak berjuang sendirian tetapi didukung oleh seluruh komuniti.

Majlis turut dihadiri oleh Dato' Tun Ahmad Faisal bin Tun Abdul Razak selaku Chief De Mission (CDM) Kontinjen SUKMA Negeri Terengganu, Dato' Rosli bin Latif, Timbalan Chief De Mission Kontinjen SUKMA Negeri Terengganu, Puan Hajjah Maldiana bt Abdul Patah Timbalan Chief De Mission Kontinjen SUKMA Negeri Terengganu dan Encik Ahmad Shahrizal bin Yahaya, Pengarah Majlis Sukan Negeri Terengganu serta Puan Hajjah Suaibah Harun Pengurus Besar Primula Beach Hotel turut hadir memeriahkan majlis.

Dengan adanya sokongan seperti ini, kami yakin bahawa Kontinjen Olahraga dan Bola Tampar Pantai Negeri Terengganu mampu mencapai kejayaan yang lebih gemilang dalam SUKMA XXI.

Memetik kata-kata daripada Puan Hajjah Suaibah Harun selaku Pengurus Besar, "Kami di Primula Beach Hotel amat berbangga dapat bersama-sama meraikan anda semua pada malam ini. Kami berharap anda semua akan bertanding dengan penuh semangat juang dan dedikasi, membawa nama Negeri Terengganu ke puncak kejayaan. Ingatlah, anda tidak berjuang sendirian. Seluruh komuniti dan kami wargakerja Primula sentiasa berada di belakang anda, memberikan sokongan dan doa. Semoga kejayaan menjadi milik anda semua. Majulah Sukan Untuk Negara!"

EPIC BERHAD MELALUI INISIATIF TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORATNYA TELAH MENYALURKAN SUMBANGAN BERJUMLAH RM100,000 UNTUK MENAIK TARAF SEBUAH SURAU DI PANTAI BATU BURUK YANG SUDAH MENCECAH USIA 20 TAHUN.



## EPIC BERHAD SUMBANG RM100,000, NAIK TARAF SURAU PANTAI BATU BURUK

20 Jun 2024

Sumbangan tersebut bertujuan untuk memperbaiki keseluruhan infrastruktur surau, termasuk tempat wuduk dan tandas awam bagi memastikan keselesaan pengguna, terutamanya para pengunjung destinasi pelancongan tersebut.

Turut hadir meninjau kerja-kerja pembinaan yang sedang dijalankan ialah YB Datuk Haji Ahmad Amzad Hashim, Ahli Parlimen Kuala Terengganu merangkap Pengarah EPIC Berhad, diiringi oleh Ts. Haji Muhtar Suhaili, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan,

dan Encik Wan Mohd Azilah Wan Abdullah, Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan. Projek naik taraf yang bermula sebulan lalu itu dijangka akan siap dalam tempoh dua bulan.

Inisiatif CSR EPIC Berhad memperbaiki fasiliti awam ini bukan sahaja memberi sokongan dari segi kewangan semata-mata, tetapi juga bertujuan memupuk kesedaran pengguna untuk bersama-sama memelihara dan menjaga kemudahan yang disediakan dengan sebaik mungkin.



# JELAJAH TI PROP HARMONI SEJAGAT: RM 11,600 ZAKAT KEPADA GURU PASTI DAN FARDHU AIN DI DUN TEPOH MENJELANG SAMBUTAN AIDILFITRI

15 April 2024

TI PROPERTIES BERKONGSI KEBERKATAN DENGAN MENYAMPAIKAN SUMBANGAN WANG TUNAI KEPADA GURU-GURU PASTI DAN FARDHU AIN DI DUN TEPOH, BERTEMPAT DI DEWAN TERBUKA PASTI AL-MUSTAQIM WAKAF MESIRA.



Sumbangan wang tunai berjumlah RM 11,600 telah diberikan kepada mereka pada bulan Ramadan sebagai persiapan sambutan Hari Raya Aidilfitri melalui Kelab Rekreasi dan Kebajikan Generasi Layang-layang (KITE). Turut hadir untuk mengagihkan sumbangan ialah YB Ustaz Haji Hishamuddin Abdul Karim, Adun Tepoh diiringi oleh Encik Awasi Mohamad, Ketua Pegawai Eksekutif TI Properties.

Sumbangan zakat ini merupakan tanda penghargaan TI Properties kepada guru-guru PASTI yang berjasa dalam menyebarkan ilmu dan nilai agama kepada anak bangsa. Tanpa jemu, mereka terus berusaha dan berkorban dalam memberikan perkhidmatan bakti mendidik anak-anak Terengganu. Doa kami, semoga Allah SWT memberkati setiap usaha dan pengorbanan guru-guru PASTI dan semoga usaha mereka menjadi amal jariah berterusan yang mendapat ganjaran yang berlipat kali ganda di dunia dan akhirat. InshaAllah.



# TI PROP HARMONI DIDIK: SUMBANGAN 8 BUAH PAPAN PUTIH KEPADA ANAK DIDIK SMK MENERONG

26 Jun 2024

SEBAGAI TANDA KOMITMEN TERHADAP TANGGJAWAB SOSIAL, TI PROPERTIES SDN BHD TELAH MENGAMBIL INISIATIF UNTUK MENAIK TARAF PERSEKITARAN PEMBELAJARAN DI SMK MENERONG HULU TERENGGANU.



TI Properties telah menyumbangkan 8 buah papan putih demi meningkatkan kualiti pembelajaran anak-anak murid SMK Menerong di bilik darjah.

Dengan adanya papan putih tersebut, ia dapat meningkatkan kualiti pengajaran serta pembelajaran dengan ketara, di samping dapat memudahkan proses pemindahan maklumat dan pengetahuan yang lebih berkesan daripada guru kepada pelajar.

Dengan ini, guru-guru dapat mengubah persekitaran bilik darjah yang traditional kepada persekitaran yang lebih dinamik dan menarik. Keupayaan mereka dalam menggunakan alatan visual, menulis dengan jelas serta membentangkan maklumat secara interaktif dapat memperkayakan pengalaman pendidikan murid-murid. Tambahan pula, peningkatan ini akan mencetuskan semangat yang lebih besar dan penyertaan aktif dalam kalangan pelajar.

TI Properties berharap sumbangan ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh semua warga sekolah. Guru-guru dapat merancang dan melaksanakan pelajaran dengan lebih berkesan dan pelajar akan mendapat manfaat daripada persekitaran pembelajaran yang lebih baik yang mendorong pertumbuhan akademik mereka. Papan putih baharu itu dijangka memberi impak positif yang berpanjangan kepada suasana pengajaran dan pembelajaran di SMK Menerong Hulu Terengganu secara menyeluruh.



## PENAJA KATEGORI EMAS TERENGGANU FOOTBALL CLUB (TFC)

16 Mei 2024

TDM BERHAD, BERSAMA DIVISYEN PERKHIDMATAN KESIHATANNYA, KUMPULAN MEDIC IMAN SDN. BHD. (KMI HEALTHCARE), DENGAN SUKACITANYA MENGUMUMKAN PENGLIBATAN KAMI SEBAGAI PENAJA KATEGORI EMAS TERENGGANU FOOTBALL CLUB (TFC) BAGI MUSIM 2024/2025.

TDM bersama penaja-penaja lain menghadiri Majlis Pelancaran Kit Rasmi bagi musim 2024/2025, yang disempurnakan oleh YB Ustaz Haji Hishamuddin Abdul Karim, Pengerusi Lembaga Pengarah TFC merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Belia, Sukan, dan NGO Terengganu. Beliau diiringi oleh Ahli Lembaga Pengarah TFC dan Ketua Pegawai Eksekutif TFC En. Mohd Sabri Abas, bertempat di Duyong Marina & Resort. Mewakili syarikat, En. Hasmadi Desa, Person In-Charge of Finance (PiCoF), menyerahkan cek replika pada majlis itu.



TDM terus menyokong usaha skuad "Penyu" untuk mengharumkan nama Terengganu dalam sukan bola sepak. Kami berharap tajaan ini dapat memberi sokongan kepada TFC untuk mempamerkan prestasi cemerlang dalam setiap persaingan termasuk Liga Super, Piala Malaysia dan Piala AFC.

## TAJAJAN JERSI BAKAR SEMANGAT PASUKAN E-SUKAN UNISZA DALAM PEMERKASAAN BELIA

23 Jun 2024

TI PROP DENGAN BANGGA MENGUMUMKAN TAJAJAN JERSI UNTUK PASUKAN E-SUKAN UNISZA, TANDA LANGKAH PENTING KE ARAH MEMPERKASA BELIA DALAM BIDANG PERMAINAN VIDEO KOMPETITIF YANG BERKEMBANG PESAT.




Syarikat TI Prop bergabung tenaga dengan Universiti Sultan Zainal Abidin untuk menyokong program e-sukan mereka yang sedang berkembang. Inisiatif ini bertujuan untuk meningkatkan semangat, memupuk rasa perpaduan dan membina identiti profesional di kalangan peminat muda e-sukan.

Ketua Pegawai Eksekutif, Awasi Mohamad berkata "Kami amat teruja untuk menyokong anak-anak muda Pasukan E-Sukan UnisZA yang berbakat. Tajaan ini sejajar dengan komitmen kami untuk memupuk inovasi dan memperkasakan generasi atlet digital akan datang"

Baru-baru ini, pasukan tersebut telah mencapai kemenangan luar biasa, memenangi pingat emas serta mendapat tempat pertama dalam pertandingan mereka.

Tajaan jersi kepada Pasukan E-Sukan UnisZA merupakan satu inisiatif yang terpuji, atas dasar untuk memperkasakan golongan muda, mengukuhkan dinamik pasukan, dan memupuk penyertaan dan perkembangan e-sukan.

# TI PROP HARMONI SEJAGAT: PERKUKUH IKATAN KEJIRANAN MELALUI PROGRAM AGIHAN DAGING KORBAN AIDILADHA



17 Jun 2024

TI PROP BARU-BARU INI TELAH MENGANJURKAN PROGRAM PENYEMBELIHAN LEMBU KORBAN SEMPERA HARI RAYA AIDILADHA. PROGRAM YANG BERLANGSUNG DI MASJID KAMPUNG TEBING TEMBAH, PAKA, MERUPAKAN SATU USAHA BERASASKAN KOMUNITI DENGAN MEMBANTU MEREKA YANG MEMERLUKAN BAGI MENYAMBUT HARI RAYA AIDILADHA.



Inisiatif ini melibatkan proses penyediaan dan pengagihan daging korban kepada keluarga serta individu yang kurang berkemampuan, termasuk golongan asnaf, fakir miskin, dan mereka yang memerlukan.

Program agihan daging korban berjaya mendapat sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat setempat. Sifat murah

hati dan belas kasihan jelas kelihatan apabila kita bersatu untuk memastikan setiap individu dapat turut serta dalam kegembiraan sambutan Hari Raya Aidiladha.

Pengagihan daging korban pada waktu yang penuh bermakna ini melambangkan semangat Aidiladha, yang berkisar pada nilai-nilai pengorbanan, belas kasihan, dan

sokongan komuniti. Usaha kami dalam mengagihkan daging kepada golongan asnaf dan masyarakat yang memerlukan menekankan kepentingan untuk berkongsi dan mengambil berat, sekaligus memupuk rasa perpaduan serta saling menyokong dalam kalangan masyarakat.

